


## ULASAN BUKU

**Siti Zubaidah Ismail (2016),  
*Undang-undang Tatacara  
Jenayah Syariah*, 219 hlm.,  
ISBN 978-983-46-1526-0**

*Mohd. Norhusairi Mat Hussin*  
husairi@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya.



## PENDAHULUAN

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah merupakan undang-undang yang memerihalkan prosedur pelaksanaan sesuatu kes jenayah yang merangkumi penguatkuasaan, pendakwaan, perbicaraan dan penghakiman. Undang-undang ini merupakan suatu aturan yang wajib diikuti oleh pegawai penguat kuasa agama, pendakwa syarii, peguam bela syarii dan hakim syarii yang bertugas di mahkamah syariah. Sebarang ketidakpatuhan prosedur atau tatacara boleh mencatatkan sesuatu prosiding kes yang akhirnya memberikan kesan terhadap perjalanan kes jenayah syariah. Kecacatan prosedur bukan sahaja menyebabkan keadilan yang diharapkan daripada sesuatu perbicaraan kes jenayah syariah tidak tercapai, malahan terdapat pihak yang dizalimi.

Undang-undang tatacara jenayah penting dalam penyediaan kaedah pelaksanaan undang-undang jenayah substantif. Undang-undang tatacara jenayah syariah ini berfungsi memandu perjalanan penguatkuasaan undang-undang, mengawal pendakwaan dan menentukan proses perbicaraan kes jenayah dijalankan secara adil. Sesuatu proses undang-undang yang hendak dilaksanakan perlu mempunyai prosedur, aturan dan tatakelola yang baik bagi menjamin keadilan sesuatu perbicaraan kes di mahkamah, khususnya kes jenayah. Tiga aspek utama yang perlu

diberikan perhatian bagi melicinkan pentadbiran keadilan jenayah ialah:

1. Membabitkan kuasa pegawai penguat kuasa agama, serta peranan dan fungsi Bahagian Penguatkuasaan untuk menjalankan tugas mereka menguatkuasakan undang-undang;
2. Berkenaan kuasa pendakwa syariai untuk mendakwa kes jenayah syariah yang melibatkan bahagian pendakwaan;
3. Kuasa mahkamah dan jabatan kehakiman syariah negeri untuk mentadbir, menguruskan dan membicarakan kes jenayah syariah.

Undang-undang jenayah syariah di negara ini berkembang dengan agak perlahan berbanding dengan undang-undang sivil, khususnya pada zaman penjajahan dan pascapenjajahan. Pada peringkat awalnya, peruntukan tentang kaedah menangani kes jenayah syariah hanya terdapat secara umum dalam beberapa seksyen di bawah enakmen pentadbiran undang-undang Islam yang awal dikanunkan. Keadaan ini menunjukkan bahawa tiada undang-undang khusus berkenaan dengan undang-undang tatacara jenayah syariah pada peringkat awal.

Selangor merupakan negeri pertama yang mengkanunkan enakmen pentadbiran hukum syarak secara menyeluruh yang dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor 1952. Di bawah enakmen ini hanya terdapat 17 seksyen yang berkaitan dengan tatacara jenayah syariah yang tidak mencukupi untuk mengendalikan kes jenayah pada ketika itu. Usaha ini kemudiannya diikuti pula oleh negeri lain dan tergubalnya enakmen pentadbiran undang-undang Islam di Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Kedah, dan lain-lain. Kesemua negeri ini menjadikan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor sebagai model untuk dijadikan rujukan. Oleh sebab itu, peruntukan berkenaan dengan tatacara jenayah syariah terhad dan tidak menyeluruh.

Penggubalan undang-undang tatacara jenayah syariah mengalami perkembangan dari semasa ke semasa, terutama pada era 80-an kerana bertambahnya peruntukan tentang prosedur jenayah syariah seperti di Selangor. Meskipun berlaku pembaharuan, peruntukan ini masih dikekalkan dalam enakmen pentadbiran hukum syarak negeri-negeri.

Negeri Sembilan turut menggubal enakmen tatacara jenayahnya pada awal tahun 90-an yang kemudiannya diikuti oleh negeri lain seperti Sarawak, Sabah dan Pulau Pinang bagi mengawal selia perjalanan dan pelaksanaan undang-undang tatacara jenayah syariah di negeri masing-masing.

Rata-ratanya kandungan enakmen tatacara jenayah syariah mempunyai lapan bahagian. Hanya negeri Kedah yang masih mengekalkan penggunaan enakmen tahun 1988 dengan beberapa pindaan. Pemakaian undang-undang negeri ini meliputi perkara yang melibatkan akidah, perlakuan tidak bermoral, penghinaan mahkamah, dan sebagainya. Terdapat juga kesalahan yang tidak dikategorikan dalam undang-undang jenayah syariah, khususnya kesalahan matrimoni dalam undang-undang keluarga Islam.

Dalam konteks bidang kuasa mahkamah dan agensi penguat kuasa, bidang kuasa jenayah mahkamah syariah terbahagi kepada tiga aspek, iaitu bidang kuasa hakim kes jenayah, bidang kuasa hukuman dan bidang kuasa tempatan. Bidang kuasa mahkamah syariah berkuasa untuk menangani kes jenayah syariah dan perkara yang berkaitan dengannya seperti penguatkuasaan, peguam syarii, dan sebagainya. Bidang kuasa mahkamah syariah juga terhad kepada orang Islam sahaja dan tidak boleh menyentuh hak dan kesalahan yang dilakukan oleh orang bukan Islam. Oleh itu, jika orang bukan Islam terlibat dalam kes seperti khalwat, mukadimah zina, dan sebagainya, maka mereka tidak boleh disiasat, dituduh, didakwa atau disabitkan dengan mana-mana kesalahan jenayah syariah. Seksyen 23 Ordinan Mahkamah Syariah Sarawak 2001 menjelaskan bahawa tiada keputusan mahkamah rayuan syariah, mahkamah tinggi syariah atau mana-mana mahkamah rendah syariah boleh melibatkan mana-mana hak atau harta seseorang bukan Islam.

Satu lagi bidang kuasa mahkamah syariah adalah untuk mengeluarkan perintah bersaling, iaitu suatu perintah yang membabitkan apa-apa saman, waran tangkap, perintah atau penghakiman yang dikeluarkan oleh mahkamah terhadap pihak yang berada di luar bidang kuasa tempatan. Tatacara pengeluaran dan pelaksanaan perintah bersaling adalah berdasarkan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003. Tugas menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan yang

menyentuh bidang tugas bahagian penguatkuasaan, jabatan agama Islam di negeri masing-masing. Kajian menunjukkan bahawa terdapat lebih kurang 768 orang pegawai penguat kuasa agama (PPA) di seluruh negara (data tahun 2012). Jumlah sumber manusia yang terhad ini menyukarkan urusan pengendalian penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah secara lebih cekap, ditambah pula dengan kekurangan latihan, prasarana, dan sebagainya. Pelibatan pihak polis dalam penguatkuasaan jenayah syariah dinyatakan secara jelas dalam Akta 560 yang memberikan kuasa kepada polis untuk turut terlibat sebagai agensi penguat kuasa undang-undang jenayah syariah di Malaysia. Selain itu, pihak yang kena tuduh berhak untuk mendapatkan hak dibela sewaktu perbicaraan di mahkamah syariah menggunakan khidmat peguam syariai.

Dalam undang-undang tatacara jenayah syariah, elemen merupakan perkara awal yang perlu diambil perhatian semasa menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah. Maklumat jenayah terbahagi kepada tiga bentuk, iaitu maklumat lisan, maklumat bertulis dan maklumat melalui telefon. Ketiga-tiga maklumat ini memerlukan tatacara tertentu bagi memastikan maklumat yang disampaikan menepati kehendak undang-undang. Penyaluran maklumat kepada hakim syariai juga boleh dibuat melalui aduan. Aduan boleh dibuat secara lisan atau bertulis kepada hakim bahawa seseorang, sama ada secara lisan atau bertulis, sama ada diketahui ataupun tidak diketahui, melakukan atau bersalah terhadap sesuatu kesalahan, dengan tujuan supaya tindakan boleh diambil oleh hakim di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997. Enakmen tatacara jenayah syariah juga memperuntukkan kaedah aduan yang dibuat kepada hakim. Menjadi kewajipan hakim yang menerima aduan tersebut agar memeriksa pengadu dan mengarahkannya mengisi Borang 6. Walau bagaimanapun, jika hakim mempunyai keraguan yang munasabah tentang kebenaran sesuatu aduan, beliau boleh merekodkan sebab keraguan, menangguhkan proses memaksa kehadiran orang yang diadu, menyiasat atau mengarahkan PPA membuat siasatan lanjut dan melaporkan hasil siasatan kepadanya. Pegawai terbabit hendaklah memastikan perbuatan salah yang diadu terletak di bawah bidang kuasa dan berlaku di wilayah kekuasaan mereka. Semasa menjalankan siasatan terhadap sesuatu kes, PPA boleh membuat tangkapan dan rampasan, jika perlu. Pelaksanaan tatacara

aduan dilaksanakan berdasarkan jenis maklumat yang diterima sama ada maklumat tersebut meliputi maklumat kesalahan yang tidak boleh ditangkap atau maklumat kesalahan yang boleh ditangkap. Dalam konteks elemen siasatan, tugas menyiasat merupakan tugas yang paling penting bagi PPA untuk memulakan penyiasatan sehinggalah penyediaan kertas siasatan dan penghantaran kertas siasatan kepada pendakwa syariai.

Pada asasnya, pegawai masjid dan orang awam tidak boleh melakukan sebarang tangkapan, namun undang-undang tatacara jenayah syariah memberikan panduan yang khusus berkenaan dengan tangkapan yang dibuat oleh orang persendirian dan pegawai masjid bagi menjadikan tangkapan itu sah mengikut undang-undang. Tangkapan dibahagikan kepada penangkapan tanpa waran dan penangkapan dengan waran.

Pengegedahan pula ialah suatu kuasa yang diberikan kepada PPA oleh mahkamah untuk menyempurnakan tugasnya melakukan siasatan terhadap sesuatu kes. Pengegedahan dilakukan bertujuan mendapatkan bukti yang relevan bagi membantu mengaitkan suspek dengan sesuatu kesalahan yang disyaki dilakukan oleh suspek. Semasa melakukan pengegedahan, PPA boleh membuat rampasan apa-apa sahaja barang yang mempunyai kaitan dengan kes yang disiasatnya sahaja.

Dalam kes tertuduh yang ditahan selepas tempoh 24 jam berakhir, tertuduh tidak boleh dilaporkan, kecuali melalui bon atau jaminan atau perintah bertulis seorang hakim atau ketua PPA atau pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor. Walau bagaimanapun, tidak semua kes boleh dijamin.

Selain itu, ketua pendakwa syariai dan pendakwa syariai ialah pihak yang terlibat dalam persiapan pendakwaan. Ketua pendakwa syariai dilantik oleh pihak berkuasa agama negeri masing-masing. Seksyen 183 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam 1993 memberikan kuasa khusus kepada ketua pendakwa syariai dari aspek kawalan dan arahan terhadap segala pendakwaan dan prosiding jenayah. Tugas pendakwaan akan bermula sebaik sahaja kertas siasatan yang disempurnakan oleh bahagian penguatkuasaan diserahkan ke bahagian pendakwaan.

Dalam proses menguruskan kertas siasatan, bahagian pendakwaan mempunyai tatakelolanya yang tersendiri bermula dengan pendaftaran penerimaan kertas siasatan dan penyemakan kertas siasatan. Semakan terhadap kertas siasatan biasanya melibatkan aspek utama seperti

proses siasatan, kesaksian dan keterangan. Proses yang dilakukan ini bertujuan mengukuhkan proses pendakwaan sebelum proses pendakwaan dimulakan. Setelah melakukan pertimbangan untuk memulakan pendakwaan, pihak pendakwaan perlu merangka pertuduhan yang sesuai bagi mengelakkan pertuduhan tersebut dianggap cacat dan ditolak oleh mahkamah. Kertas pertuduhan perlulah lengkap dan mengandungi butir yang mencukupi tentang sesuatu kesalahan yang didakwa terhadap orang yang kena tuduh. Undang-undang membenarkan pindaan dibuat pada sesuatu pertuduhan yang cacat. Walau bagaimanapun, pindaan yang dilakukan mestilah mengikut undang-undang yang digariskan dalam seksyen 83 dan seksyen 84 Akta 560.

Apabila sesuatu kertas pertuduhan disempurnakan, maka bermulalah fasa perbicaraan. Dalam sesuatu perbicaraan, pendakwa perlu mengambil berat tentang beban pembuktian dan bidang kuasa mahkamah sebelum sesuatu perbicaraan jenayah dilakukan. Oleh sebab ketua pendakwa syarii mempunyai bidang kuasa untuk mengawal semua kes pendakwaan jenayah, maka mahkamah perlu memastikan pendakwa syarii yang memulakan kes tersebut mendapat izin bertulis daripada ketua pendakwa syarii. Seseorang pendakwa syarii yang tidak mempunyai izin bertulis daripada ketua pendakwa syarii tidak boleh memulakan kes pendakwaan. Kehadiran tertuduh sangat penting semasa hari perbicaraan agar pertuduhan terhadapnya dapat dibacakan. Dalil al-Quran, undang-undang yang berkuat kuasa dan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dijadikan panduan oleh mahkamah untuk menerima kesaksian dalam sesebuah kes jenayah syariah. Sama seperti dalam kes tuntutan mal, pemeriksaan saksi yang dijalankan dalam kes jenayah syariah juga harus meliputi tiga jenis pemeriksaan, iaitu pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula. Pemeriksaan perlu bagi menjadikan keterangan saksi kompeten untuk mendakwa mahupun membela tertuduh di mahkamah. Selain itu, setiap perbicaraan yang dijalankan perlu direkodkan dalam satu fail supaya tiada rekod keterangan, pembuktian dan perbicaraan diabaikan bagi menjamin proses keadilan dapat dilaksanakan.

Mahkamah akan membuat keputusan sama ada pihak pendakwa berjaya mengemukakan kesnya ataupun tidak, apabila pendakwa mengemukakan semua keterangan yang diperlukan untuk menegakkan

kesnya. Pada peringkat ini, pendakwa sepatutnya membawakan semua saksi dan pembuktian untuk dinilai oleh mahkamah. Pada peringkat ini jugalah tertuduh dipanggil untuk membela diri sekiranya mahkamah mendapati pendakwa berjaya membuktikan kesnya dan mahkamah memutuskan kes itu wujud. Dalam keadaan tertentu, tertuduh boleh menggunakan kecualian am dan pembelaan alibi sekiranya wujud bukti yang relevan. Kedua-dua hak ini diperuntukkan dalam undang-undang, khususnya di bawah bab 7 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Meskipun kes selesai dibicarakan, perkara berbangkit daripada perbicaraan sangat penting untuk diambil perhatian kerana boleh memberikan kesan terhadap perbicaraan sesuatu kes. Antara perkara berbangkit daripada perbicaraan, termasuklah pemindahan kes, penamatan pendakwaan, penangguhan perbicaraan, hak mahkamah untuk mengemukakan soalan kepada tertuduh, pertukaran hakim semasa perbicaraan dan perbicaraan pada hari cuti. Semua perkara berbangkit ini dinyatakan secara jelas dalam undang-undang tatacara jenayah syariah di setiap negeri. Pihak yang terlibat dalam perbicaraan perlu mengambil berat terhadap perkara ini untuk mengelakkan berlakunya pertikaian terhadap prosiding jenayah di mahkamah syariah.

Dalam konteks penghakiman dan hukuman, para hakim perlu mengambil berat untuk menjaga peraturan tentang penghakiman kerana hakim berperanan menentukan kesahihan fakta yang dibawa oleh sesuatu pihak dalam kes yang dibicarakan. Antara ciri penghakiman yang baik, termasuklah:

1. Penghakiman disertakan dengan alasan penghakiman;
2. Huraian tentang prinsip undang-undang atau nas yang dipakai dalam penghakiman;
3. Penghakiman tidak terlalu panjang dan tidak terlalu pendek;
4. Menjawab isu atau hujah yang ditimbulkan oleh sesuatu pihak;
5. Merujuk semua peruntukan undang-undang dan nas yang berkaitan dengan isu yang ditimbulkan.

Alasan penghakiman ialah huraian mahkamah tentang nas dan autoriti yang digunakan bagi menyokong keputusan sesuatu kes yang dipertikaikan dalam prosiding dan mengaitkannya dengan undang-undang

yang dipakai. Alasan penghakiman penting untuk menggambarkan kewibawaan hakim dan mahkamah. Alasan yang tidak jelas dan ringkas boleh mencacatkan sesuatu penghakiman kes, malah boleh menyebabkan rayuan dibenarkan apabila pesalah mengemukakan rayuannya. Contohnya dalam kes *Mokhtar bin Pingat lwn Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*.

Selain itu, persoalan yang berkaitan dengan hukuman turut dibincangkan. Antara faktor yang diambil kira untuk menjatuhkan hukuman termasuklah kepentingan awam, hukuman yang mencukupi untuk menginsafkan pesalah, hukuman yang sepadan dengan kesalahan yang dilakukan, dan sebagainya. Pertimbangan ini perlu bagi seseorang hakim untuk menjatuhkan hukuman supaya hukuman yang dijatuhkan menginsafkan pesalah dan masyarakat tidak mengulangi kesalahan yang sama. Faktor umur, keinsafan pesalah, kekerapan melakukan kesalahan, pendapatan pesalah dan faktor lain yang bersesuaian juga perlu diambil kira oleh hakim sebelum menjatuhkan hukuman kepada pesalah.

Hukuman penjara pula terbahagi kepada dua, iaitu hukuman penjara bagi kesalahan yang sebenar dan hukuman penjara kerana gagal membayar denda yang dikenakan. Hukuman sebat rotan pula dikhususkan untuk kesalahan yang dianggap berat seperti kesalahan seksual yang melibatkan persetubuhan luar nikah atau zina, mukadimah zina atau perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan haram. Selain itu, hukuman sebat turut dikenakan terhadap perbuatan sumbang mahram, muncikari, meminum minuman yang memabukkan, dan sebagainya. Hukuman sebat ini dijalankan secara terperinci dalam undang-undang tatacara jenayah di setiap negeri.

Semasa menjatuhkan hukuman, antara kuasa dan perintah sampingan yang boleh dilakukan oleh mahkamah, termasuklah kuasa untuk melepaskan tertuduh dengan syarat atau tanpa syarat. Pertimbangan ini boleh dibuat untuk manfaat tertuduh yang terdiri daripada pesalah muda atau pesalah kali pertama. Mahkamah juga boleh mengaward pampasan sekiranya mahkamah mendapati aduan, maklumat dan pertuduhan tersebut remeh dan menyusahkan tertuduh. Sejumlah pampasan tidak melebihi RM1000 boleh diperintahkan dibayar kepada tertuduh oleh pengadu dan pemberi maklumat. Selain pemenjaraan, mahkamah boleh membuat perintah komital



kepada tertuduh supaya ditempatkan di rumah pemulihan. Walau bagaimanapun, rumah pemulihan itu mestilah rumah kebajikan atau pusat bimbingan Islam yang diluluskan oleh majlis, selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan seperti yang difikirkan munasabah untuk manfaat pesalah.

Rayuan dan murajaah pula merupakan suatu prosiding pascahukuman atau perbicaraan di mahkamah yang lebih tinggi daripada keputusan mahkamah yang mengeluarkan perintah. Kedua-dua pihak sama ada pesalah mahupun pendakwa syarii mempunyai hak untuk merayu seperti yang dibenarkan oleh undang-undang. Undang-undang tatacara jenayah syariah menetapkan had masa merayu ialah selama 14 hari dari tarikh keputusan dikeluarkan dan dikemukakan kepada pendaftar di mahkamah yang mengeluarkan keputusan tersebut. Proses rayuan mestilah dimulai dengan pemfailan notis rayuan dan sebarang lanjutan masa untuk penghantaran notis rayuan dibuat melalui mahkamah.

## **KESIMPULAN**

Buku ini ternyata mengisi kelompangan rujukan tatacara jenayah syariah di Malaysia, lebih-lebih lagi ditulis dalam bahasa Melayu. Buku ini sangat relevan dirujuk oleh pelbagai pihak untuk memahami tatacara dan prosedur jenayah syariah di Malaysia kerana menggunakan rujukan yang berautoriti yang menggabungkan kitab fiqh klasik dan penulisan terkini daripada pelbagai sumber rujukan. Setiap prosedur dalam undang-undang tatacara jenayah syariah perlu diperhalus dan diikuti satu per satu bagi mencapai keadilan menurut syariat Islam. Meskipun undang-undang tatacara jenayah syariah seolah-olah banyak membincangkan persoalan teknikal yang mungkin dianggap remeh oleh sesetengah pihak, namun tatacara tersebut sangat penting untuk membantu mahkamah menegakkan keadilan kepada semua pihak.